

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL (SEKIJANG)

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana pihak Kementerian berupaya untuk mengekang penyebaran berita tidak benar di media sosial selagi mana ianya tidak menyekat kebebasan bersuara masyarakat

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli yang Berhormat seperti berikut kerana ianya menyentuh isu yang sama dan berkaitan. Pertanyaan disyor dijawab secara bersekali:

i) Soalan 8 [11 November 2019] – Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]

ii) Soalan 1 [11 November 2019] – Datuk Seri Saravanan A/L Murugan [Tapah]

2. Kerajaan sentiasa komited di dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun menerima banyak aduan dan pandangan berkenaan penyalahgunaan media sosial serta cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

3. Kerajaan berpendapat bahawa, kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ianya harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjejaskan keselamatan negara. Usaha ini bukan bertujuan menyekat kebebasan bersuara, tetapi untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan pandangan berbaur hasutan serta sensitiviti yang boleh memberi kesan terhadap keselamatan negara.

4. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penularan kandungan atau berita tidak benar. Di samping itu, tindakan boleh turut disusuli oleh pihak PDRM atau SKMM berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang berkenaan.

NO. SOALAN : 5

5. Secara khusus di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), pihak yang menggunakan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian seperti internet dan media sosial secara tidak wajar bagi maksud menyebarkan kandungan palsu, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali. Namun langkah pengemaskinian serta penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran masa.

6. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC” telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu kesalahan jenayah siber termasuk berkaitan penyebaran kandungan, maklumat, berita atau laporan tidak benar atau palsu. Kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif.